

**TEKS UCAPAN ALU  
ALUAN OLEH:**

**NAIB CANSELOR**

**MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN  
UNIVERSITI AWAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2023**

11 September 2023 (Isnin), 9.00 pagi Bangunan  
Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka


Bismillah Hirrahman Nirrahim

**SALUTASI**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

- 1. Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT;
- 2. Yang Berusaha Puan Azlinda binti Azman**  
Setiausaha Bahagian Pembangunan, KPT;
3. Naib-Naib Canselor UA;

4. Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
5. Pegawai-pegawai Agensi Pusat dan Jabatan Kerja Raya;
6. Pengarah-Pengarah Pembangunan UA;
7. Dan seluruh ahli mesyuarat yang dikasih i sekalian sama ada yang berada di atas talian dan yang berada di sini secara bersemuka.



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani**

**YBhg. Datuk/Prof./Dr./tuan/puan,**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, atas kepercayaan KPT yang dengan julung kalinya telah memilih UTeM sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan Universiti Awam, KPT Bilangan 3 Tahun 2023 pada pagi ini.
  
2. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat datang ke Kampus Induk UTeM kepada seluruh ahli mesyuarat yang dapat menghadirkan diri secara bersemuka pada pagi ini dan mengalu-alukan agar

mengambil peluang ini untuk melawat sekitar Melaka Bandaraya Bersejarah. Bagi yang berada di atas talian sana diharapkan dapat jugalah meluangkan masa untuk berkunjung ke UTeM dan Melaka nanti.

3. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak KPT atas kelulusan dan penyaluran peruntukan bagi pelaksanaan projek yang merangkumi RMK12, Mesra OKU dan peralatan usang.
4. Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk TKSU, untuk UTeM, dalam RMK12 terdapat empat (4) komponen projek yang telah diluluskan iaitu
  - a. Penggantian Sistem Peralatan Pengokol (Chiller) berjumlah RM7juta yang telah siap sepenuhnya 100% pada 5 Februari 2023 yang lalu.

- b. Yang kedua, Penggantian dan Perolehan Peralatan Teknikal Fakulti Sediada berjumlah RM40 juta yang mana hampir 50% perolehan telah selesai dilaksanakan.
- c. Yang ketiga, Peralatan bagi Program Sarjana Muda Teknologi yang berjumlah RM27.6juta yang kini 60% perolehan telah dan sedang melalui proses pengiklanan.
- d. Dan yang terakhir dibawah Rolling Plan Ketiga, RMK12, adalah projek Membaiki Cerun di Kolej Kediaman Lestari berjumlah RM2.2juta yang kini berada dalam peringkat pelantikan perunding bagi kerja-kerja pakar.

5. UTeM juga mengucapkan terima kasih kepada pihak KPT di atas penyaluran peruntukan berjumlah RM550 ribu di bawah peruntukan Mesra OKU yang mana kerja-kerja fizikal bagi projek ini telah pun siap sepenuhnya.
6. UTeM dan seluruh UA telah sedia maklum yang pihak Kementerian amat menitikberatkan budaya menyelenggara dan lebih fokus untuk memberikan nafas baru kepada bangunan-bangunan, makmal-makmal, infrastruktur dan kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang semakin usang.

اویونیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


7. Selaras dengan itu, pada 12 Mei 2023 yang lalu, pihak Kementerian telah meluluskan tujuh (7) projek dengan kos berjumlah RM10.57 juta kepada UTeM di bawah Pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Fasiliti Universiti Awam Rolling Plan Ketiga Tahun 2023. Bagi pihak UTeM, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian di atas kelulusan yang telah diberikan.
8. Bagi Rolling Plan Keempat RMK12, pembentangan telahpun dibuat pada 10 Mei 2023 yang lalu di hadapan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi-Agenis Pusat.
9. Suka saya menarik perhatian YBhg. Datuk Pengurus bahawa permohonan UTeM adalah tertumpu kepada Pembangunan Dan

Pelaksanaan Aplikasi ICT Dan Inisiatif Smart Campus dengan objektifnya adalah untuk meningkatkan keupayaan kemudahan infostruktur dan infrastruktur ICT, keselamatan siber melalui penyediaan pusat pemulihan bencana ICT (Disaster Recovery Center) dan penyediaan platform bagi menyokong aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara digital.

10. Dua projek penyelenggaraan kecil juga telah dimohon dengan fokusnya adalah untuk meningkatkan keselamatan daripada ancaman kebakaran dan kemalangan yang disebabkan oleh lekapan bangunan yang telah usang.

جامعة ملaka التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 
11. Permohonan yang dikemukakan tersebut adalah seiring dengan matlamat yang telah dijajarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi yang mahu melihat infrastruktur UA sentiasa bugar dan berfungsi dengan baik.
  12. Sepertimana UA-UA yang lain, UTeM sangat berharap permohonan dalam Rolling Plan Keempat, RMK12 ini mendapat perhatian KPT, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Agensi-Agenis Pusat yang terlibat dalam proses kelulusan skop dan peruntukan kelak.
  13. Dikesempatan ini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak JKR yang telah berjaya menyempurnakan pembinaan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, yang mana telah diserahkan kepada

UTeM pada 7 Jun 2023 yang lalu. Kami juga berharap agar pihak JKR dapat terus memantau kerja-kerja pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).

**YBhg. Datuk/Prof./Dr./tuan/puan,**

14. Sekali lagi saya ingin mengucapkan selamat datang ke UTeM kepada semua ahli mesyuarat. Seluruh ahli mesyuarat sekalian dialu-alukan untuk turut sama menyertai sesi lawatan bersama YBhg. Datuk TKSU pada petang ini seterusnya dapat menikmati suasana dan pemandangan indah Kampus Induk UTeM.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

